

BAB V

PENUTUP

5.1. KESIMPULAN

Berdasarkan huraian pada bab-bab terdahulu, dapatlah kita simpulkan sebagai berikut:

1. Islam sudah masuk ke Aceh pada abad pertama hijrah. Ini bererti Aceh merupakan daerah pertama dan paling awal masuknya Islam di Nusantara.

2. Islam masuk ke Aceh dibawakan oleh pedagang dari Arab yang sambil berdagang mereka mengembangkan agama Islam. Budi pekerti pedagang yang adil dan jujur telah menarik hati penduduk tempatan untuk memeluk Islam. Dalam berdagang dan mengembangkan dakwahnya, para pedagang tersebut telah mengawini gadis tempatan. Perkawinan ini telah memudahkan pengembangan dakwah Islam terutama kepada keluarga mereka sendiri. Kemudian mereka dapat mengislamkan raja dan pegawai tinggi kerajaan. Disebabkan raja telah memeluk Islam, maka ramai-ramai rakyat turut memasuki Islam sehingga dalam waktu relatif singkat, Islam sudah berkembang keseluruh Aceh.

3. Perkembangan Islam yang begitu pesat telah menubuhkan kerajaan Islam di Aceh yang pesat dan maju pula. Hal ini telah menjadikan Aceh sebagai pusat pengembangan Islam ke Nusantara. Banyak pendakwah dan ulama besar dari Aceh telah dikirim ke Nusantara untuk mengembangkan Islam, seperti; ke pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi, dan Semenanjung Malaysia.

4. Mulai dari Aceh Islam terus berkembang keseluruh Nusantara sehingga lahirah kerajaan-kerajaan Islam seperti di pulau Jawa dan Semenanjung Malaysia. Perkembangan Islam yang begitu lama di Indonesia tidaklah berarti bahawa umat Islam di Indonesia terbebas dari pengaruh agama Hindu, Budha dan aliran Animisme. Atas dasar inilah organisasi-organisasi Islam, seperti Muhammadiyah telah ditubuhkan, iaitu dengan tujuan utama untuk memurnikan ajaran Islam dari pengaruh-pengaruh agama lain. Kekhuwatiran terhadap pembaharuan oleh kaum “Wahabi” di Mekkah yang dianggap bercanggah dengan ajaran Islam, telah pula mendorong lahirnya Nahdatul Ulama. Sementara itu, Al-Washliyah dan organisasi-organisasi lain di Indonesia lahir karena didasari adanya perbedaan-perbedaan pendapat yang terjadi di dalam kalangan umat Islam. Semua organisasi ini telah mengembangkan dakwah Islamiyah dan telah mampu mempersatukan umat.
5. Organisasi-organisasi Islam yang ditubuhkan sebelum Indonesia merdeka (17hb Ogos 1945), di samping telah memurnikan ajaran Islam dan berdakwah, mereka juga turut memainkan peranan penting dalam menentang penjajahan Belanda. Organisasi-organisasi ini telah berjuang bersama-sama dengan tentera Republik Indonesia sehingga Indonesia memproklamkan kemerdekaannya pada 17hb Ogos 1945.
6. Setelah Indonesia merdeka, organisasi-organisasi Islam terus bekerja sama dengan pemerintah dalam mengisi kemerdekaan walaupun seringkali dicurigai oleh pemerintah akibat kritikan-kritikan mereka terhadap kebijaksanaan pemerintah yang sifatnya merugikan umat Islam. Hal ini telah menjadikan organisasi-organisasi Islam sebagai kekuatan utama umat Islam di Indonesia. Mereka telah dapat mempererat *ukhuwah*

Islamiyah, menghindari perbezaan fahaman dan haluan antar sesama organisasi, menghilangkan perbezaan pendapat tentang masalah *khilafiyah* dan *bid'ah*. Secara garis besar, mereka telah dapat membawa pembaharuan pemikiran Islam secara murni berdasarkan al-Qur'an dan Hadith.

7. Di Aceh, organisasi-organisasi Islam juga telah menunjukkan peranan penting dalam mengembangkan dakwah Islamiyah sama ada di daerah perkotaan mahupun di daerah pedesaan terpencil. Mereka telah mampu menyampaikan dakwah sesuai dengan keperluan semasa dengan menggunakan fasiliti media dan teknologi semasa. Penyampaian dakwah dengan menggunakan teknologi semasa telah sangat berkesan dalam masyarakat ramai.
8. Organisasi-organisasi Islam di Aceh sudah banyak mendidik dan melahirkan kader dakwah, intelektual Muslim, ulama, tokoh masyarakat, dan ahli politik. Banyak di antara mereka sudah menjadi pemimpin dan mengisi jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan sehingga dapat membela kepentingan umat Islam.
9. Dalam pemerintahan Indonesia, organisasi-organisasi Islam sangat aktif membela kepentingan ummat Islam, seperti memprotes tindakan pemerintah yang bercanggah dengan ajaran Islam. Peraturan pelarangan jilbab di sekolah-sekolah pemerintahan dan pemberian izin Sumbangan Dana Sosial Berhadiah (SDSB) yang mengandungi unsur perjudian yang sangat meresahkan ummat Islam telah ditentang habis-habisan oleh semua organisasi Islam. Tekanan-tekanan semua organisasi Islam ini telah memaksa pemerintah untuk mencabut semua peraturan-peraturan yang bercanggah dengan Islam.

10. Organisasi-organisasi Islam yang berorientasikan dakwah, pendidikan, dan kesejahteraan sosial telah menubuhkan institusi pendidikan dan sosial yang terasa masih kurang disediakan oleh pemerintah sehingga mereka dapat membantu masyarakat mendapat pendidikan dan bantuan sosial. Institusi pendidikan ini telah mampu meningkatkan kualiti pendidikan yang lebih cemerlang yang pada akhirnya telah dapat meningkatkan taraf kehidupan yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.
11. Organisasi-organisasi di Aceh yang menyeru kepada kebajikan dan melarang yang munkar telah sangat berkesan dalam meningkatkan pengamalan ajaran Islam dikalangan rakyat Aceh sama ada dibidang agama, pendidikan dan sosial. Organisasi-organisasi ini telah pula mendidik kader pemuda dan remaja sehingga mereka tidak mudah terpengaruh oleh teknologi maklumat dan budaya asing yang menyebabkan kerosakan moral dan pergeseran nilai-nilai agama.
12. Aktiviti-aktiviti organisasi Islam telah dapat menghambat dan membatasi ajaran-ajaran sesat dan arus Kristenisasi yang sifatnya sangat mengancam 'aqidah ummat Islam, terutama bagi masyarakat yang bertempat tinggal di desa-desa terpencil akibat kelemahan iman, kemiskinan dan kebodohan yang mereka derita.

5.2. SARANAN

1. Semua organisasi Islam hendaknya tetap melanjutkan aktivitiya sesuai dengan konsep Islam untuk memenuhi tuntutan al-Qur'an, iaitu: "hendaklah ada di antara kamu segolongan ummat yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah dari perbuatan munkar". Oleh itu organisasi-organisasi Islam haruslah sentiasa memenuhi tuntutan itu,

iaitu dengan menjadi satu golongan yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah kepada kemunkaran.

2. Semua organisasi Islam hendaknya menubuhkan institusi-institusi ibadah dan pendidikan untuk mendidik kader-kadernya terutama di daerah pedesaan sehingga mereka dapat meningkatkan aktiviti dakwah dan pengamalan ajaran Islam. Hal ini disebabkan oleh kerana pada masa kini, pengamalan ajaran Islam di daerah pedesaan sudah mulai tertinggal. Institusi mesjid dan surau serta sekolah-sekolah perlu dihidupkan sebagai sarana dakwah, pendidikan, sosial dan sebagai tempat mengamalkan ajaran Islam.
3. Semua organisasi Islam diharapkan dapat bekerja sama dalam menyelesaikan persoalan agama, permasalahan dakwah dan permasalahan-permasalahan lain yang meresahkan ummat Islam sama ada di perkotaan mahupun di pedesaan. Kerana dengan kerja sama ini akan dapat memecahkan persoalan ummat, seperti masalah kelangkaan ulama dan kurangnya kader dakwah di desa-desa terpencil akibat terbatasnya dana untuk membiayai pengiriman pendakwah ke lokasi-lokasi tersebut.
4. Hendaknya pemerintah sentiasa memberikan kebebasan yang seluas-luasnya kepada setiap organisasi Islam dalam mengembangkan dakwah Islamiyahnya. Pemerintah diharapkan dapat memberikan sokongan dan bantuan biaya yang cukup untuk aktiviti-aktiviti dakwah yang diadakan oleh organisasi-organisasi Islam. Kerana banyak sekali aktiviti-aktiviti keagamaan organisasi Islam yang terhambat disebabkan oleh faktor ketiadaan dana.

5. Hendaknya para jutawan dan hartawan Islam bersedia mengeluarkan sedikit hartannya untuk membantu membiayai gerakan dakwah, kerana misi Islam sentiasa terhambat dan terkesan kekurangan dana. Kini ummat Islam banyak yang menjadi jutawan dan kaya raya, tetapi misi Islam tetap terhambat kerana tidak ada dana. Oleh itu, organisasi-organisasi Islam hendaknya berusaha menarik minat dan mengajak para jutawan dan hartawan untuk turut berpartisipasi aktif dalam pengembangan dakwah sehingga mereka bersedia membiayai gerakan dakwah sesuai menurut kemampuan mereka masing-masing.

6. Organisasi-organisasi pemuda Islam seperti Pelajar Islam Indonesia (PII) dan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) agar dapat meningkatkan gerakan dakwah dan kajian keislaman di institusi pengajian tinggi. Aktiviti-aktiviti dakwah mereka perlu disampaikan kepada pemuda putus sekolah dan pelajar-pelajar sekolah menengah umum untuk dapat lebih meningkatkan keimanan dan ketaqwaan mereka sehingga mereka terhindar dari ancaman dan pengaruh kerusakan moral.

7. Organisasi-organisasi Islam dan pemerintah Daerah Istimewa Aceh agar sentiasa mampu mempertahankan kerja sama dalam menyeru kepada kebajikan dan membanteras kejahatan. Sehingga diharapkan daerah Aceh tetap tercermin sebagai daerah paling awal masuknya Islam di Nusantara dan dapat mempertahankan martabatnya sebagai daerah "Serambi Mekkah" yang kuat mengamalkan ajaran Islam.

8. Organisasi persatuan pondok Inshafuddin agar dapat meningkatkan status pendidikan pondok dan memperbaiki sistem pendidikannya dengan informasi teknologi namun

tetap mempertahankan ciri-ciri pondok. Sehingga para pelajar lepasan pondok dapat memenuhi keperluan masyarakat moden masa kini yang penuh dengan teknologi maklumat.

9. Aktiviti-aktiviti setiap organisasi Islam diharapkan dapat menghapuskan kemiskinan seperti kemiskinan ilmu dan iman serta harta benda. Usaha-usaha penghapusan kemiskinan ini terutama sekali hendaklah dilakukan untuk membantu fakir miskin dan anak-anak yatim di daerah pedesaan. Usaha-usaha penghapusan kemiskinan ini diharapkan menjadi tanggung jawab bersama kerana masih sebahagian besar ummat Islam terutama di desa terpencil hidup dibawah garis kemiskinan.

10. Untuk menjaga kerukunan ummat beragama dan menghindari pergaduhan dan pertentangan antar agama, hendaklah organisasi-organisasi Islam dan penyebar misi Kristian sama-sama menyedari dan mengamalkan aturan pemerintah Indonesia. Isi peraturan ini supaya tidak mengembangkan agama kepada orang yang sudah memeluk agama tertentu. Ini untuk saling menjaga dan menghormati dan memberi kebebasan mengamalkan agama menurut keyakinan masing-masing.